

**KOLEJ UNIVERSITI  
KEJURUTERAAN UTARA  
MALAYSIA**

**PROJEK PENYELIDIKAN  
( 2003-2005 )**

Ketua Projek : Profesor Madya Dr Leha @ Zaleha Muhamat

Tajuk : "Kaedah Menjati Diri Anak-Anak Menurut  
Perspektif Islam : Perhatian dan Sokongan  
Sekolah , Keluarga dan Komuniti"

## Pendahuluan :

Maksud sebuah hadis berbunyi : "Tiada penyakit yang tiada ubat untuk menyembuhkannya , kecuali penyakit-penyakit yang disebabkan usia yang lanjut" . Penyakit sosial yang dihadapi oleh ahli masyarakat hari ini – khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah remaja , adalah diyakini ada ubat dan jalan untuk mengatasinya , insyaallah .

Projek Penyelidikan ini dengan harapan yang tinggi memulakan penerokaan untuk mencari penawar berkesan sebagai sumbangan dalam usaha membantu mengatasi masalah / penyakit yang berleluasa berlaku dan sering disebut oleh media dan sebagainya . Untuk merealisasikan hasrat dan tujuan ini , projek ini memerlukan sokongan dan kerjasama padu daripada pihak sekolah-sekolah terlibat , keluarga pelajar , masyarakat setempat dan pihak-pihak lain yang berkenaan .

## Objektif Kajian :

1. Untuk mendapatkan panduan yang diharapkan boleh membantu pihak berkenaan dalam usaha menangani gejala sosial di kalangan para remaja.
2. Untuk mempelajari teori pendidikan Islam dan menguji keberkesanan pendekatan pendidikan menurut perspektif Islam .
3. Untuk mengkhidmatkan ilmu Islam dalam urusan yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat bertamadun dan harmoni.

## Kaedah kajian

- a. Kuantitatif
- b. Kualitatif

## Lokasi Kajian

Dua buah sekolah menengah iaitu :

- SMK Derma , Kangar .
- SMK Kuala Perlis , Kuala Perlis

dan dua buah sekolah rendah iaitu :

- Sekolah Kebangsaan Sri Indera Kangar , Perlis
- Sekolah Kebangsaan Raja Perempuan Budriah , Cemumar , Simpang Empat , Perlis

## Responden

1. Sekolah Menengah :
  - a. Semua pelajar tingkatan satu tahun 2004
  - b. Semua pelajar tingkatan dua tahun 2004
2. Sekolah Rendah :
  - a. Semua pelajar darjah dua tahun 2004
  - b. Semua pelajar darjah tiga tahun 2004
3. Sekumpulan pelajar-pelajar terpilih beserta ibu bapa dan keluarga.
4. Masyarakat persekitaran keluarga terpilih dan sekolah berkenaan.
5. Staf-staf berkenaan di sekolah-sekolah yang terlibat dengan penyelidikan ini ( khususnya guru-guru dan pentadbir sekolah )

## Peringkat Kajian

Sepanjang penyelidikan ini dijalankan , kajian ini akan menghadapi tiga peringkat ujian , iaitu :

1. Kajian Rintis ( 2003 dan awal 2004 )
2. Kajian Pra ( 2004 dan awal 2005 )
3. Kajian Pasca ( dalam tahun 2005 )

## Keperluan Kajian

1. Peralatan-peralatan asas dan perlu yang diperlukan oleh projek penyelidikan ini.
2. Kemudahan ruang untuk menjalani proses penyelidikan dan aktiviti-aktivitinya.
3. Kerjasama pihak sekolah dari segi ;
  - a. Khidmat guru-guru berkenaan ( B.Melayu , Sejarah , Pendidikan Islam dan pendidikan moral ) untuk menjalani program pengajaran dan penerapan nilai seperti yang diatur ( berdasar kepada kurikulum , masa sesuai dan sebagainya yang tidak menjejaskan proses pembelajaran di sekolah yang sedia ada ) .
  - b. Membenarkan penggunaan ruang / bilik untuk menjalani bengkel kepada guru-guru berkenaan.

- c. Bantuan sekolah dalam mengedarkan borang soal selidik , mengutipnya semula dan memanggil pelajar berkenaan yang tertentu ketika diperlukan .
- d. Memberi keizinan / kebenaran kepada guru-guru berkenaan ketika diperlukan oleh penyelidikan ini untuk menjalani aktiviti-aktiviti tertentu.
- e. Sekolah mengambil kira segala aktiviti yang dijalankan oleh stafnya yang ada kaitan dengan penyelidikan ini sebagai aktiviti yang menyumbang kepada pencapaian prestasi mereka . Permohonan ini merupakan insentif bagi staf-staf berkenaan yang memberi perkhidmatan terhadap penyelidikan ini dengan tanpa ganjaran sewajarnya.
- f. Lain-lain yang berkenaan yang projek ini perlukan bantuan sekolah demi mencapai objektif yang diharapkan.

### Pendekatan Kajian

Kajian ini mendasari metodologinya kepada pendekatan pendidikan Islam. Lazimnya pendidikan Islam merujuk kepada Wahyu Allah menerusi Al-Quran , penjelasan-penjelasaannya yang disampaikan oleh baginda Rasulullah s.a.w. ( Al-Hadis ) dan maksud kandungan sesebuah fakta Islam ( ayat-ayat Al-Quran dan Al-Hadis ) yang boleh dijadikan rujukan bagi mendapatkan panduan menjati diri anak-anak dan membangun masyarakat bertamadun dan harmoni . Secara kasar penyelidikan ini mengadakan kerja-kerja seperti berikut :

#### 1. Peringkat Kajian Rintis

- a. Mengenal pasti beberapa perkara yang ada hubungkait dengan usaha ke arah menjati diri anak-anak Hepotesis berkenaan dikaji melalui data-data yang dipungut dan dianalisis.
- b. Hasil kajian rintis dijadikan asas / sebab / alasan dan sebagainya untuk dibina kajian seterusnya bagi memastikan punca masalah-masalah yang berlaku , atau dikira sebagai faktor penyumbang ke arah menjati diri anak-anak dan dengan itu diuji dan dikaji lagi melalui perjalanan program penerapan nilai yang disuntik menerusi proses pengajaran dan bimbingan secara terancang , aktiviti-aktiviti khusus dan sebagainya.

## 2. Peringkat Kajian Pra

- a. Mengenal pasti keberkesanan program pengajaran dan bimbingan yang dijalankan untuk tujuan mencari kayu ukur dan membentuk skema menjati diri.
- b. Menguji program untuk tujuan penambahbaikan.
- c. Pembentangan hasil kajian Rintis dan Pra dalam seminar atau bengkel untuk mendapatkan input dan maklumat-maklumat tambahan untuk penambahbaikan.

## 3. Peringkat Kajian Pasca

Memastikan kaedah jati diri terhasil dengan mengadakan beberapa peringkat ujikaji pemantau, penilaian dan perbincangan-perbincangan dengan personaliti-personaliti tertentu dalam bidang pendidikan. Semua maklumat berkenaan yang ditemui adalah diambil kira sebagai sumbangan bagi penyelidikan ini.

## Penulisan Laporan

Setelah kajian selesai dijalankan dan penyelidik berpuas hati dengan hasil kajian, maka laporan penyelidikan ditulis. Laporan akan diserahkan kepada pihak berkenaan sebagai tesis penyelidikan bertajuk "Kaedah Menjati Diri Anak-Anak Menurut Perspektif Islam: Perhatian dan Sokongan Sekolah, Keluarga dan Komuniti".

Cik Azlina Mazlumi

PKI - 9851446

**Menjati Diri Anak-Anak Menurut Perspektif Islam :  
Perhatian Dan Sokongan Sekolah , Keluarga Dan Komuniti**

Tajuk penyelidikan di atas dijalankan di empat buah sekolah di Perlis; dua buah Sekolah menengah ( Derma dan Kuala Perlis ) dan dua buah sekolah rendah ( Seri Indra dan Cemumar ) oleh Profesor Madya Dr. Leha @ Zaleha Muhamat , Pensyarah TITAS (Tamadun Islam dan Tamadun Asia ) Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan , Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) . Tujuannya , untuk membantu usaha ke arah melahirkan generasi yang berkesedaran tinggi tentang tanggungjawab terhadap diri , agama , keluarga , masyarakat dan negara . Projek penyelidikan ini dibiayai oleh Geran IRPA dan disempurnakan pelancarannya di KUKUM pada tarikh 25 Jun 2003 , jam 3.00 – 5.00 petang. Projek ini dijangka berakhir pada Disember 2005 .

**Profesor Madya Dr. Zaleha Muhamat  
Ketua Projek**

Drpd - Milazita  
(unit Agama Islam).

ext: 8235